

**Sokong, Sentiasa Di Sisi Suami Ketika Waktu Susah, Pesan Dr Hasmah Kepada Isteri Pemimpin
Bernama
27 Mac, 2012
Oleh Erda Khursyah Basir**

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali menasihati isteri-isteri para pemimpin agar sentiasa tenang dan gigih menyokong suami mereka semasa menghadapi situasi kritikal.

Dr Siti Hasmah, 86, isteri kepada Perdana Menteri paling lama memerintah dalam sejarah di Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata ini adalah penting bagi memastikan sebarang krisis yang dihadapi suami mereka dapat ditangani sewajarnya tanpa menambah lagi tekanan.

Berkongsi pengalamannya ketika negara berhadapan krisis mata wang dan politik pada 1998 ketika Dr Mahathir menerajui negara, Dr Siti Hasmah berkata beliau membuat keputusan untuk bertenang dan tidak pernah bertanya mengenai perkara itu untuk mengelak suaminya lebih tertekan.

"Jangan mengeruhkan lagi keadaan dan pastikan kita mendengar apa yang suami kita mahu perkatakan. Beliau ada banyak benda yang hendak difikirkan dan kami bertuah kerana anak-anak menenangkan hati kami," katanya dalam temu bual eksklusif selama 30 minit bersama TRAXXfm, Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Wisma Radio Angkasapuri di sini Selasa.

"Dalam situasi seperti itu anda harus lebih berhati-hati dan anak-anak juga harus memahami," katanya.

Dr Siti Hasmah yang bersara sebagai doktor pada usia 53 tahun selepas berkhidmat dengan kerajaan, berkata contoh lain tempoh kritikal yang dihadapi oleh keluarganya ialah apabila suaminya dipecat daripada Umno pada 1969 dan ketika beliau mengumumkan untuk bersara daripada politik dan meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri pada 2002.

Pada ketika itu, beliau berkata, mereka berjaya menangani krisis itu kerana semua ahli keluarganya bersatu untuk memastikan segala-galanya di bawah kawalan.

Dalam temu bual itu juga, ibu kepada tujuh anak ini menekankan ibu bapa perlu kerap meluangkan masa dengan anak-anak mereka terutama yang menetap di Kuala Lumpur.

Beliau berkata ibu bapa tidak harus mendiskriminasi anak-anak mereka dengan mempunyai sifat pilih kasih dalam keluarga.

"Jagalah keperluan mereka ketika mereka membesar terutama ketika mereka meniti zaman remaja, di mana tiada lagi silap mata, tiada lagi badut...anda boleh benarkan mereka lakukan apa sahaja tetapi pada masa yang sama anda harus pastikan mereka tidak boleh melebihi had," katanya.

"Apabila mereka terlalu dimanjakan, pastikan mereka tidak melepasi batas kerana pada

masa sekarang, orang ramai mudah meniru gaya hidup barat, seperti Internet dan komputer dan kita tidak mempunyai kawalan. Kita mesti menjadi ibu bapa yang berani untuk memberitahu, mereka tidak boleh buat begini dan apa yang betul," katanya.

Beliau berkata agama juga memainkan peranan yang penting untuk kanak-kanak menerapkan keimanan iaitu wujudnya Tuhan yang akan sentiasa membimbing mereka dalam kehidupan.

Bagi wanita yang berkahwin dan mempunyai kerjaya, Dr Siti Hasmah yang merupakan salah seorang doktor wanita pada tahun 1950-an, berkata mereka harus mempunyai keupayaan untuk mengatur dan mengurus masa dengan betul untuk mengelak mereka mengabaikan tanggungjawab kepada keluarga.

Wanita yang telah berkahwin sentiasa mempunyai tiga peranan - wanita berkerjaya, suri rumah dan ibu, katanya.

Beliau berkata apabila Dr Mahathir menjadi menteri pada 1974, semua anak-anaknya berada di luar negara dan beliau memastikan anak-anaknya pulang bercuti dan memberi keutamaan kepada mereka, dan Dr Mahathir juga akan memastikan beliau meluangkan masa dengan mereka ketika makan malam dan membawa mereka keluar.

Bagaimanapun sekarang setelah bergelar nenek, beliau berkata wanita tidak harus terlalu memanjakan cucu mereka untuk mengelak mereka menjadi kurang bertanggungjawab dan keliru apa yang telah diajar oleh ibu bapa mereka.

Menyentuh menjadi isteri kepada seorang Perdana Menteri, Dr Siti Hasmah berkata beliau tidak pernah menjangkakan Dr Mahathir akan menjadi Perdana Menteri, bagaimanapun beliau gembira dan bersyukur mendapat penghormatan itu.

Dr Siti Hasmah yang amat meminati badminton dan merupakan seorang 'tomboy' ketika zaman kanak-kanaknya, juga berkongsi minatnya dalam bidang perubatan di mana beliau merupakan doktor wanita Melayu pertama negara, dan pengalaman berharga beliau ketika bertugas di Selangor dan Kedah.

"Berada di kawasan pedalaman anda akan belajar banyak perkara tentang bagaimana untuk berbuat baik dengan masyarakat, dialek mereka, dan juga situasi di mana mereka ini tidak memiliki pengangkutan dan wang untuk yuran perubatan," katanya mengimbau tahun awal di Kedah sekitar 1950-an.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655270>